

PERUTUSAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMPENA

TAHUN BARU 2023

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Sabah Maju Jaya.*

Selamat Tahun Baru 2023 kepada semua rakan penjawat awam Negeri Sabah. Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana masih diberikan peluang untuk bersama-sama dengan keluarga meraikan tahun 2023. Saya turut berharap anda semua meraikan tahun baru ini dengan penuh rasa syukur dan gembira bersama keluarga tersayang.

Pada tahun 2022, Kerajaan Negeri telah melakar sejarahnya tersendiri dengan merekodkan pencapaian baharu pungutan hasil tertinggi berjumlah RM6.6 bilion. Saya amat berbangga dengan prestasi ini dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua rakan penjawat awam negeri yang bekerja keras dan sentiasa komited dalam melaksanakan tugas sehingga menyumbang kepada kejayaan ini.

Belanjawan Sabah 2023 yang melibatkan peruntukan berjumlah RM5.138 bilion serta anggaran kutipan hasil sebanyak RM5.268 bilion merupakan Belanjawan Lebihan (*Surplus Budget*) sebanyak RM130.47 juta. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada semua rakan penjawat awam negeri agar sentiasa berhemah dalam perbelanjaan namun tidak menghadkan kita untuk menyumbang kepada pembangunan negeri sesuai dengan tema "Ekonomi Diperkasa, Rakyat Sejahtera". Sebagai usaha peningkatan kecemerlangan dan inovasi penjawat awam, pada tahun 2022 seramai 40 orang pegawai telah dihantar mengikuti pelbagai kursus dan kerjasama di peringkat antarabangsa.

Kerajaan Negeri sentiasa memberikan komitmen dan sokongan berterusan terhadap usaha-usaha menyebarluas mesej-mesej antirasuah dan pembanterasannya di negeri ini. Justeru, saya menyeru kepada semua rakan penjawat awam negeri untuk bersama-sama komited, memainkan peranan dan tanggungjawab dalam mematuhi undang-undang, dan memberi sokongan penuh terhadap usaha dan inisiatif yang telah dirancang, agar imej penjawat awam dapat diperkasa, seterusnya penyampaian perkhidmatan yang cemerlang diberikan kepada rakyat.

Konsep 5As yang diperkenalkan semasa saya mengambil alih sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri pada 4 November 2019 telah menunjukkan peningkatan signifikan melalui inisiatif pendigitalan dalam Perkhidmatan Awam Negeri daripada 144 aplikasi pada tahun 2021 kepada 233 aplikasi pada tahun 2022. Saya mengharapkan usaha melakukan transformasi ke arah *Smart Digital Government* dapat direalisasikan bersama-sama dengan semua rakan penjawat awam negeri.

Tahun 2022 telah melabuhkan tirainya dan kita melangkah ke tahun 2023 dengan penuh kesyukuran. Semoga semua rakan penjawat awam negeri terus beriltizam untuk menyampaikan perkhidmatan yang terbaik dan berintegriti pada tahun ini.

**YB. DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP.
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI**

01 JANUARI 2023

